

# UPM kaji gentian tumbuhan hasil komponen kenderaan

» *Kerjasama AMIC, UNMC untuk proses pengeluaran, ujian*

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

► Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) merintis penyelidikan penggunaan gentian tumbuhan dalam penghasilan komponen kenderaan termasuk pesawat, bagi menjadikannya lebih ringan, sekali gus menjimatkan penggunaan bahan bakar.

## Gentian asli

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan (*gambar*), berkata antara tumbuhan yang mengandungi gentian asli dengan kekuatan diperlukan dalam pembuatan bahan komposit atau campuran bagi tujuan itu ialah kenaf dan nanas.

Katanya, penyelidikan itu dilaksanakan menerusi kerjasama dengan Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC) dan Universiti Nottingham Kampus Malaysia (UNMC) bagi penggunaan teknologi robotik untuk proses pengeluaran dan pengujian bahan komposit itu.

"UPM berperanan mengenal pasti tumbuhan yang berpotensi digunakan bagi penyelidikan ini, mengawet dan menyediakannya bagi memastikan ia mempunyai ciri



ketahanan sama seperti gentian sintetik termasuk kalis api dan kalis asap.

"Mesin Robotic Arm yang lazimnya digunakan dalam industri berat dan terdapat di UNMC akan dimanfaatkan bagi proses pengeluaran dan pengujian bahan komposit ini dengan kerjasama AMIC,"

katanya pada sidang media sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UPM, AMIC dan UNMC di sini, semalam.

Mohd Fauzi memeterai MoU itu bagi pihak UPM manakala AMIC diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shamsul Kamar Abu Samah selain Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik UNMC, Prof Dr Haider Abbas AlMurib.

Fauzi berkata, penghasilan komponen bahagian dalam pesawat antara produk akan dihasilkan menerusi penyelidikan yang dijangka lengkap menjelang tahun 2018 dan perlu menjalani proses pengujian lanjut bagi memastikan ciri keselamatannya menepati piawain ditetapkan industri penerbangan.